

01/08/1998

Pemuda MCA hantar memo khas kepada PAP

SUNGAI BULOH, Jumaat - Pemuda MCA akan menghantar memorandum khas kepada Pergerakan Pemuda Parti Tindakan Rakyat (PAP) bagi menyatakan bantahan mereka terhadap sikap Singapura berhubung isu pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar ke Woodlands yang bermula esok.

Ketuanya, Datuk Chan Kong Choy, berkata Pemuda MCA juga akan bersama-sama Pemuda Umno dalam menyatakan sikap dan tindakan yang diambil bagi menyelesaikan pertikaian itu.

Sambil menyatakan kesal dengan sikap Singapura yang tidak tahu menghormati jiran terdekatnya, Chan berkata pihaknya akan menghantar surat dan berbincang dengan Pengerusi Pemuda PAP, Brig Jen George Yeoh.

"Singapura membuat keputusan tanpa mengambil kira perasaan rakyat Malaysia, sedangkan sesuatu keputusan yang membabitkan kepentingan kedua-dua negara mestilah melalui perundingan.

"Oleh itu, Pemuda MCA memberi sokongan penuh terhadap pendirian Malaysia yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Pemberita di sini, hari ini.

Chan yang juga Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos merangkap Ahli Parlimen Selayang sebelum itu mengetuai pemimpin Barisan Nasional (BN) kawasannya melawat Penjara Sungai Buloh.

Turut menyertai rombongan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras, Datuk Saidin Thamby, Adun Rawang, Datuk Tang See Hang dan Pengarah Penjara, Mohd Noh Tan Sri Murad.

Chan mengulas tindakan Singapura mahu memindah KIK-nya dari stesen kereta api Tanjong Pagar yang terletak di tengah-tengah republik itu ke Woodlands yang terletak berhampiran sempadan Malaysia, esok.

Ahad lalu, akhbar Sunday Times Singapura menyiarkan kenyataan Kementerian Ehsan Dalam Negeri Singapura bersama-sama beberapa dokumen kerajaan iaitu surat pegawai tinggi Malaysia dan Singapura.

Dokumen itu memperlihatkan Malaysia pada mulanya bersetuju pemindahan di Woodlands tetapi kemudiannya menyatakan sebaliknya.

Selasa lalu, Dr Mahathir membuat kenyataan bahawa Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaannya ke Woodlands.

Menurut Perdana Menteri, perjanjian mengenai perkara itu tidak semestinya dilaksanakan kerana ia masih perlu mendapat pengesahan dan pengiktirafan ketua kerajaan.

Semalam, Pemuda Umno membuat kenyataan bahawa Singapura mempunyai niat jahat berhubung isu pemindahan berkenaan.

Chan meminta Singapura lebih berhati-hati membuat kenyataan dan mengambil sebarang tindakan.

(END)